

06 JUL 1998

Maulidur-Anugerah

SEPULUH ORANG TERIMA ANUGERAH MAULIDUR RASUL DARIPADA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Seramai 10 orang menerima Anugerah Maulidur Rasul yang disampaikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Islam di sini, sempena sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad SAW hari ini.

Anugerah itu diberikan sebagai simbol pengiktirafan kepada warganegara yang menjalankan tugas demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Penerima-penerima anugerah tahun ini terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian, jabatan kerajaan, badan berkanun dan badan bukan kerajaan.

Seorang daripada penerimanya ialah Sarjan Mejar Abdul Latif Harun yang pernah menjadi perhatian masyarakat hasil tindakan nekadnya menyelamatkan seorang majistret yang dijadikan tebusan di Penjara Kuantan beberapa tahun lepas.

Dalam kejadian itu Abdul Latif, yang telah terkena tembakan penjenayah, bertindak nekad menyelamatkan seorang pegawai kanan penjara yang hampir ditikam. Beliau akhirnya menembak mati kesemua penjenayah terlibat.

Sepanjang penglibatannya dalam pasukan polis sejak tahun 1975, Abdul Latif berjaya menangkap 20 orang penjenayah dan menembak mati 20 yang lain serta membebaskan enam mangsa penculikan.

Seorang jururawat Norsiah Saod, turut menerima anugerah itu kerana sumbangannya ketika operasi menyelamatkan mangsa tragedi Pos Dipang dua tahun lepas. Beliau dilaporkan berjalan kaki sejauh lima kilometer ke perkampungan orang asli Sungai Budak untuk menyelamatkan mangsa tragedi itu.

Seorang lagi penerima ialah Haji Mohd Noh Mohamad yang bertugas sebagai pegawai imigresen tinggi di Melaka. Beliau diberi pengiktirafan hasil keberkesanan pasukannya mematahkan sindiket pemalsuan dokumen perjalanan di beberapa buah negeri di Semenanjung pada tahun 1995.

Muniandy a/l Doraisamy pula menerima anugerah itu hasil khidmatnya dalam aktiviti Persatuan Bulan Sabit Merah Kuala Lumpur.

Yang lain ialah Kapten Suhaidi Saad, Haji Saim Abdul Adziz, Haji Nayan Salleh, Haji Hussin Hamid, Aziz Ismail dan Mohd Omar Haji Yaakob.

Masing-masing menerima sebuah plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan JAKIM.

-- BERNAMA

WNZ ARA RON